

## **Hubungan Baik Media Indonesia-Malaysia Perlu Diperkukuh - Gabenor Sulawesi Utara**

**Bernama**

**10 Februari, 2013**

**Daripada Mohd Yusof Saari**

MANADO (Indonesia), 10 Feb (Bernama) -- Hubungan baik media Indonesia dan Malaysia perlu terus diperkukuh bagi memastikan laporan oleh institusi penyebar fikiran rakyat itu bergerak seiring dengan hubungan baik yang terbentuk antara dua kerajaan.

Gabenor Sulawesi Utara SH Sarundajang berkata tanpa persefahaman, berita yang dilaporkan berkemungkinan mampu memberi masalah kepada kedua-dua negara kerana media sebagai medium perantara mampu mencorak hala tuju pemikiran rakyat.

"Untuk memastikan hubungan Jakarta-Kuala Lumpur terus terjaga semua pihak perlu memiliki persefahaman dengan mengamalkan sifat terbuka, namun yang lebih mustahak hubungan sedia ada akan menjadi lebih baik sekiranya persefahaman itu datang daripada sesama pengamal media.

"Indonesia amat berharap dapat mempelajari sesuatu dari Malaysia melalui hubungan dua kumpulan komunikasi yang dijitukan kerana laporan dan kritikan yang dibuat institusi ini boleh mempengaruhi kesepaduan rakyat," katanya ketika ditemui Bernama di sini hari ini.

Sarundajang berkata usaha mencari kesatuan antara media menjadi lebih mudah dengan penglibatan dan pengiktirafan kerajaan Malaysia menerusi kedatangan Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Seri Dr Rais Yatim ke Manado, sekali gus memberi motivasi kepada pengamal media erti perpaduan serumpun yang cuba diterapkan dua kerajaan.

Sambil menghargai kedatangan Rais ke Kota Manado dan menyampaikan ucapan pada majlis makan malam sempena sambutan Hari Pers Nasional (HPN) dan ulang tahun Persatuan Wartawan Indonesia (PWI) ke-67, Khamis lepas, beliau berkata lebih 1,000 pengamal media yang menghadiri sambutan itu perlu berbesar hati dan menterjemahkannya dengan menulis berita yang menjurus kepada kerukunan hubungan sesama masyarakat dan negara.

Kedatangan Rais ke Manado mendapat liputan akhbar tempatan yang disifatkan sebagai semarak tambahan kepada sambutan tahunan HPN, dan memungkinan kepada terbukanya pelbagai hubungan lain selain kerjasama budaya dan media.

Bagi Sarundajang signifikan kedatangan Rais bukan hanya terbatas kepada urusan memperkukuh hubungan antara pengamal media tetapi kehadiran itu juga mencetuskan pelbagai kemungkinan lain ke arah mengangkat persaudaraan serumpun ke tahap lebih tinggi.

Katanya kehadiran Rais juga memberi peluang kepadanya menyatakan hasrat kerajaan Manado untuk berunding dengan Malaysia bagi membuka semula laluan penerbangan secara terus Kuala Lumpur-Manado yang pernah dilaksanakan syarikat penerbangan AirAsia sebelum ini.

Cadangan itu dibalas Rais dengan mempelawa rombongan Manado ke Kuala Lumpur bagi berbincang secara lebih lanjut bersama pihak yang berkenaan, katanya.

Berhubung peranan yang boleh dimainkan Manado dalam menjayakan Yayasan Ikatan Rakyat Malaysia Indonesia (YIRMI) yang baru ditubuhkan, Sarundajang berkata Sulawesi Utara sedia berperanan dengan menyediakan tempat bagi sebarang pertemuan dan perbincangan ke arah mewujudkan hubungan lebih baik antara masyarakat kedua-dua negara.

Beliau berkata sebarang kegiatan ke arah kesepaduan rakyat kedua-dua negara perlu dipandang positif dan disokong kerana ia mampu memberi sinergi baharu ke arah pembangunan bangsa Melayu yang lestari.

Bakal dilancarkan bulan depan, Yirmi yang diasaskan oleh Rais ditubuhkan bertujuan meningkat dan mengekalkan hubungan silaturahim dan kerjasama antara rakyat Malaysia dan Indonesia melalui pelbagai bidang termasuk seni budaya warisan, penerangan, kemasyarakatan, ekonomi, pelajaran dan bahasa.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=927311>